

Tujuh kakitangan UMS galas amanah program Meniti

UM 3.9.2014 26

KOTA KINABALU 2 Sept. - Seramai tujuh kakitangan Universiti Malaysia Sabah (UMS) diberikan amanah untuk menyerahkan surat tawaran kemasukan kepada penuntut baharu daripada kalangan golongan miskin.

Pegawai Khas Naib Canselor, Lokman Abdul Samad berkata, penuntut-penuntut itu dipilih menerusi program Merobah Idea Menjadi Realiti (Meniti) untuk kemasukan sesi akademik 2014/2015.

Jelasnya, dengan amanah yang diberikan itu, kakitangan tersebut akan menyerahkan sendiri surat tawaran berkenaan dengan mengunjungi rumah penuntut terlibat.

"Seramai 25 penuntut baharu dari kawasan Tawau, Semporna, Kunak dan Lahad Datu terpilih dalam program tersebut.

"Program Meniti dengan tema UMS Merealisasikan Impian Pribumi merupakan tanggungjawab sosial korporat (CSR) universiti dengan memberi peluang kepada pelajar pintar daripada keluarga miskin untuk melanjutkan pengajian di UMS," katanya

di sini hari ini.

Lokman juga memberitahu, bagaimanapun mereka yang terpilih itu perlu memenuhi syarat kelayakan minimum ditetapkan Kementerian Pendidikan.

Tambahnya, walaupun berdepan kekangan masa dan jarak, kakitangan yang diamanahkan itu berjaya melaksanakan tanggungjawab tersebut dalam tempoh tiga hari.

Menurut beliau, bagi mempercepatkan proses penyerahan, pihak pengurusan Meniti mengambil keputusan menubuhkan dua kumpulan kecil iaitu kumpulan pertama membuat penyerahan di Tawau dan Semporna manakala kumpulan kedua di Kunak serta Lahad Datu.

"Menerusi program penyerahan ini, kita dapat bertemu selain berpeluang berinteraksi dengan keluarga mereka.

"Selain itu, kita juga ingin mengucapkan terima kasih atas bantuan yang diberikan oleh Pejabat Pendidikan Daerah, pengetua dan guru-guru sekolah yang terlibat hingga segala urusan dapat diselesaikan dengan lancar," katanya.



LOKMAN Abdul Samad (kiri) memberi penerangan kepada Nurul Asffiyah (dua dari kanan) selepas terpilih melanjutkan pengajian ke UMS menerusi program Meniti di Kota Kinabalu, baru-baru ini.